



OCBC CALL-FOR-CASH

Terms & Conditions

1. Call-For-Cash (“**CFC**”) is offered by OCBC Bank (Malaysia) Berhad (“**OCBC Bank**”) to its selected eligible customers who hold one or more currently valid credit cards issued by OCBC Bank as the principal cardmember, and whose credit card accounts are well conducted within OCBC Bank’s sole and absolute discretion at the time of the application for CFC (“**Cardmember**”), subject to the terms and conditions herein.
2. CFC is a facility that allows a Cardmember to apply for cash advances from the Cardmember’s available line of credit under the Cardmember’s OCBC credit card(s) and repay the cash advances by way of fixed monthly instalments. The Cardmember’s line of credit must be sufficient to cover the CFC Amount (defined below) for the entire CFC Tenure (defined below). The minimum CFC Amount to be applied is RM1,000 and the amount in excess thereof shall be in multiples of RM100 up to the maximum amount equivalent to 80% of the Cardmember’s available credit limit.
3. At a Cardmember’s application for CFC, OCBC Bank may at its sole discretion and without having to furnish any reason therefor:
 - a) approve the application at the amount applied for by the Cardmember or at a lower amount (the amount of cash advances approved by OCBC Bank shall be called “**CFC Amount**” provided that the CFC Amount shall be subject to the minimum of RM1,000 up to the maximum amount equivalent to 80% of the Cardmember’s available credit limit. Where OCBC Bank decides to approve an amount lower than what the Cardmember applies for, OCBC Bank will not give prior notice to the Cardmember of such decision or approval; or
 - b) reject the application.If OCBC Bank approves a Cardmember’s application, upon approval the corresponding amount of the Cardmember’s line of credit will be reserved for the CFC and the Cardmember’s credit limit reduced to the extent of the CFC Amount. OCBC Bank shall not be liable for any transactions rejected by merchants due to insufficient credit limit arising therefrom.
4. CFC Interest and CFC Amount shall not be eligible for OCBC Rebate Programme, including but not limited to the rebate for interest paid.
5. After approval of a Cardmember’s application, the CFC Amount shall be deposited into any one of the Cardmember’s bank accounts maintained with any bank in Malaysia (“**Receiving Bank**”) as specified by the Cardmember, within fourteen (14) days from the date of approval of the Cardmember’s application. The Cardmember shall specify and furnish to OCBC Bank, an individual savings/current account number under the Cardmember’s own name, for purposes of transferring and depositing the CFC Amount. The Cardmember shall not specify and furnish any account under any third party’s name. All charges commission fees or other payment of a similar nature (if any) imposed by the Receiving Bank in respect of the deposit of the CFC Amount into the Cardmember’s bank account with the Receiving Bank shall be borne by the Cardmember. OCBC Bank shall not be made to bear any losses or damages suffered as a consequence of any error, delay, neglect or omission by the Receiving Bank in processing the crediting of the CFC Amount into the Cardmember’s bank account.

6. The Cardmember shall pay interest of up to nine percentum (9%) flat per annum on the CFC Amount (“**CFC Interest**”) for the duration of the CFC Tenure (defined below). The CFC Interest will be charged on the CFC Amount and will be computed based on Rule of 78 repayment method. The effective interest rate of up to sixteen point four three percentum (16.43%) per annum will be calculated from the date of approval of the CFC Amount.
7. At the time of applying for CFC, the Cardmember shall select 1 of the 3 tenures under the CFC facility:
- 1 year/12 months; or
 - 2 years/24 months; or
 - 3 years/36 months,
- (each “tenure” and the tenure selected by the Cardmember shall be called “**CFC Tenure**”) for repayment of the CFC Amount and CFC Interest. During the CFC Tenure, the CFC Amount together with CFC Interest will be billed by way of equal monthly instalments (“**CFC Monthly Instalment**”). The Cardmember cannot change the CFC Tenure and/or the CFC Monthly Instalment.
8. The CFC Monthly Instalment is computed based on the following formula:
- | |
|--|
| $\frac{[\text{CFC Amount} \times \text{CFC Interest flat per annum} \times \text{CFC Tenure}^*] + \text{CFC Amount}}{\text{Number of monthly instalments}^{**}}$ |
|--|
- * For purposes of this formula, the CFC Tenure is taken at the number of years instead of months.
- ** The number of monthly instalments is referenced to the CFC Tenure i.e. 1 year tenure at 12 monthly instalments, 2 years tenure at 24 monthly instalments and 3 years tenure at 36 monthly instalments.
9. The Cardmember shall punctually pay each CFC Monthly Instalment by the payment due date stated in the Cardmember’s credit card statement.
10. No additional interest will be imposed on the CFC Amount, provided that:
- the Cardmember has no outstanding balance in his/her credit card account at the time the CFC application is approved; and
 - the Cardmember pays all outstanding balances due before the payment due date stated in the credit card statement, for the entire duration of the CFC Tenure.
- In the event of non-fulfilment of any of the 2 provisos in this clause 10, then the outstanding balance will be subjected to the normal finance charge of up to one point five percentum (1.5%) per month or eighteen percentum (18%) per annum or the prevailing interest rate until the date of full payment.
11. If a Cardmember intends to early settle the CFC outstanding amount, the Cardmember must give prior notice to OCBC Bank, so that OCBC Bank will calculate the early settlement amount. The Cardmember shall continue to pay the CFC Monthly Instalments until the Cardmember is billed the early settlement amount.
12. In the event of early settlement prior to full term of the CFC Tenure, the CFC Interest is only calculated until the early settlement month. For example, if Cardmember selects 3 years CFC Tenure but wants to early settle the outstanding CFC Amount after 10 months, the Cardmember shall pay the unbilled balance of CFC Amount and any outstanding CFC Amount billed.

13. Upon occurrence of any of the following events:
- a) the Cardmember defaults in making payment of the Minimum Payment stated in the credit card statement for any three (3) or more consecutive months; or
 - b) the Cardmember's credit card account(s) with OCBC Bank is cancelled, terminated or closed for whatever reason,
- the entire outstanding CFC Amount ("**Indebtedness**") shall immediately become due and payable by the Cardmember, whereupon the OCBC Cardmember's Agreement shall apply to the Indebtedness, including the imposition of the finance and late payment charges. This shall be in addition and without prejudice to OCBC Bank's rights under the OCBC Cardmember's Agreement in relation to all monies charged and all liabilities incurred by the Cardmember through the use of his/her OCBC credit card(s) upon occurrence of any of the above events.
14. The Cardmember declares, represents and warrants that all information provided by the Cardmember in the application for CFC is true, correct, accurate, current and complete, and the Cardmember undertakes to immediately notify OCBC Bank if there are changes to the Cardmember's information. OCBC Bank shall not be made to bear any liability, claim, loss, damage, expense, cost or fee whatsoever which may arise from any untrue, incorrect, inaccurate, outdated or incomplete information furnished by the Cardmember.
15. In addition to and without prejudice to the generality of the foregoing, in the event it becomes more expensive for OCBC Bank to maintain the CFC by reason of:
- a) any change in law or regulations which give rise to new or additional taxes, higher reserve requirement or similar acts; or
 - b) a significant change in the monetary situation or economic environment,
- the Cardmember agrees to bear such additional cost for maintaining the CFC as OCBC Bank determines to be necessary to compensate it, arising directly or indirectly from any of the foregoing circumstances. OCBC Bank's decision on any of the matters referred to in this Clause shall be conclusive and binding on the Cardmember.
16. OCBC Bank reserves the right at any time and with 21 days' notice to the Cardmember, to add, alter, modify, change or vary all or any of these terms and conditions (including the rate of the cash advance fee, the imposition of interest and the rate thereof, the manner and time of payment and modes of computation referred to herein) or to replace wholly or in part the CFC with another scheme by whatever name called, whether similar or not, or to withdraw or terminate the CFC altogether. OCBC Bank may notify the Cardmembers of any such addition, alteration, modification, change or variation to these terms and conditions by publishing a notice in the billing statements or at OCBC Bank's website at www.ocbc.com.my, or in any newspaper or by such other means of communication as OCBC Bank may determine in its absolute discretion.
17. OCBC Bank will not be responsible for and disclaims all liability to any actions, claims, losses, damages, costs, charges and expenses which the Cardmember may suffer, sustain or incur by reason of his/her participation in the CFC, unless the loss is attributable to the Bank's negligence.
18. All matters of disputes are subject to the final decision of OCBC Bank, whose decision shall be final, conclusive and binding on the Cardmember.
19. The Cardmember agrees and declares that all information provided in the Cardmember's application for CFC is true and complete and the Cardmember will immediately notify OCBC Bank of any changes to such information.

20. The OCBC Cardmember's Agreement shall continue to apply to the Cardmember's use of the OCBC credit cards. In the event of inconsistency between these Terms & Conditions and the OCBC Cardmember's Agreement, these Terms & Conditions shall prevail in so far as they apply to the CFC.
21. These Terms & Conditions shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia.

OCBC CALL-FOR-CASH

Terma & Syarat

1. Call-For-Cash ("**CFC**") ditawarkan oleh OCBC Bank (Malaysia) Berhad ("**Bank OCBC**") kepada para pelanggan yang layak yang memegang satu atau lebih kad kredit yang sah yang dikeluarkan oleh Bank OCBC sebagai pemegang kad prinsipal, dan akaun kad kredit tersebut dikendalikan dengan baik menurut budi bicara mutlak Bank OCBC pada masa permohonan CFC ("**Pemegang Kad**"), tertakluk pada terma dan syarat yang terkandung di sini.
2. CFC ialah satu gabungan kemudahan yang membolehkan Pemegang Kad mendapatkan wang pendahuluan daripada had kredit sedia ada Pemegang Kad di bawah kad(-kad) kredit OCBC Pemegang Kad dan membayar balik wang pendahuluan tersebut melalui ansuran bulanan yang tetap. Had kredit Pemegang Kad hendaklah mencukupi untuk menampung Jumlah CFC (ditakrifkan di bawah) untuk keseluruhan Tempoh CFC (ditakrifkan di bawah). Jumlah minimum pendahuluan tunai yang boleh dimohon di bawah CFC ialah RM1,000, dan amaun selebihnya hendaklah dalam gandaan RM100 sehingga jumlah maksimum bersamaan 80% had kredit Pemegang Kad.
3. Pada masa permohonan CFC oleh Pemegang Kad, Bank OCBC boleh, menurut budi bicaranya dan tanpa perlu memberikan sebarang sebab:
 - a) meluluskan permohonan pada jumlah yang dimohon oleh Pemegang Kad atau pada jumlah yang lebih rendah (jumlah pendahuluan tunai yang diluluskan oleh Bank OCBC hendaklah dipanggil "**Jumlah CFC**") dengan syarat Jumlah CFC adalah tertakluk pada jumlah minimum sebanyak RM1,000 dan jumlah maksimum bersamaan 80% had kredit Pemegang Kad). OCBC Bank tidak akan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pemegang Kad jika OCBC Bank memutuskan untuk meluluskan jumlah yang lebih rendah daripada jumlah yang dipohon oleh Pemegang Kad; atau
 - b) menolak permohonan tersebutJika Bank OCBC meluluskan permohonan Pemegang Kad, setelah diluluskan, jumlah tersebut akan diumpukkan dari had kredit Pemegang Kad untuk CFC tersebut dan had kredit Pemegang Kad akan dikurangkan setakat Jumlah CFC. Bank OCBC tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana transaksi yang ditolak oleh pedagang yang disebabkan oleh had kredit yang tidak mencukupi.
4. Faedah CFC dan Jumlah CFC tidak layak untuk Program Rebat OCBC, termasuk dan tidak terhad pada rebat atas faedah yang dibayar.
5. Selepas kelulusan permohonan Pemegang Kad, Jumlah CFC akan didepositkan ke dalam mana-mana satu akaun bank Pemegang Kad yang disenggarakan dengan mana-mana Bank di Malaysia ("**Bank Penerima**") seperti yang ditentukan oleh Pemegang Kad, dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh kelulusan permohonan Pemegang Kad. Jumlah CFC tersebut hanya boleh dipindahkan dan didepositkan ke dalam akaun simpanan/semasa di bawah nama Pemegang Kad. Pindahan tidak boleh dibuat kepada akaun pihak ketiga. Semua caj bayaran komisen atau pembayaran yang serupa sifatnya (jika ada) yang dikenakan oleh Bank Penerima berhubung dengan deposit Jumlah CFC ke dalam akaun bank Pemegang Kad dengan Bank Penerima hendaklah ditanggung oleh Pemegang Kad. Bank OCBC tidak akan dipertanggungjawabkan untuk menanggung sebarang kerugian atau kerosakan yang ditanggung akibat sebarang ralat, kelewatan, kecuaiian atau kesilapan oleh Bank Penerima semasa mengkreditkan Jumlah CFC ke dalam akaun bank Pemegang Kad.

6. Pemegang Kad hendaklah membayar faedah sehingga sembilan peratus (9%) setahun rata atas Jumlah CFC ("**Faedah CFC**") untuk tempoh Tempoh CFC tersebut (ditakrifkan di bawah). Faedah CFC akan dikenakan pada Jumlah CFC dan akan dikira berdasarkan kaedah "Rule of 78". Kadar faedah efektif berkisar sehingga 16.43% setahun akan dikirakan dari tarikh kelulusan Jumlah CFC.
7. Pada masa memohon perkhidmatan CFC, Pemegang Kad hendaklah memilih 1 daripada 3 tempoh di bawah kemudahan CFC ini:
- 1 tahun/12 bulan; atau
 - 2 tahun/24 bulan; atau
 - 3 tahun/36 bulan,
- (setiap "**tempoh**" dan tempoh yang dipilih oleh Pemegang Kad akan dipanggil "**Tempoh CFC**") untuk pembayaran balik Jumlah CFC dan Faedah CFC. Jumlah CFC bersama dengan faedah CFC akan dibil melalui ansuran bulanan ("**Ansuran Bulanan CFC**") sepanjang Tempoh CFC. Pemegang Kad tidak dibenarkan mengubah Tempoh CFC dan/ atau Ansuran Bulanan CFC.
8. Ansuran Bulanan CFC dikira berdasarkan formula berikut:
- | |
|---|
| $\frac{[\text{Jumlah CFC} \times \text{CFC Faedah Rata Sebulan} \times \text{Tempoh CFC}^*] + \text{Jumlah CFC}}{\text{Bilangan ansuran bulanan}^{**}}$ |
|---|
- * Untuk tujuan pengiraan formula ini, Tempoh CFC dikira berdasarkan bilangan tahun dan bukan berdasarkan bulanan.
- ** Bilangan ansuran bulanan dirujuk pada Tempoh CFC iaitu tempoh 1 tahun pada 12 ansuran bulanan, tempoh 2 tahun pada 24 ansuran bulanan dan 3 tahun pada 36 ansuran bulanan.
9. Pemegang Kad hendaklah membayar setiap Ansuran Bulanan CFC dengan tertib menjelang tarikh pembayaran yang dinyatakan di dalam penyata akaun kad kredit Pemegang Kad.
10. Tiada faedah tambahan akan dikenakan ke atas Jumlah CFC, sekiranya:
- pemegang Kad tidak mempunyai baki tertunggak dalam akaun kad kredit pada masa pemohonan CFC diluluskan; dan
 - pemegang Kad membayar semua baki tertunggak sebelum tarikh akhir pmbayaran yang dinyatakan dalam penyata kad kredit, sepanjang tempoh CFC.
- Sekiranya kedua-dua proviso yang dinyatakan dalam fasal 10 ini tidak dipatuhi, baki tertunggak akan tertakluk kepada caj kewangan biasa sehingga satu perpuluhan lima peratus (1.5%) sebulan atau lapan belas peratus (18%) setahun atau kadar faedah semasa sehingga tarikh pembayaran penuh.
11. Jika Pemegang Kad berhasrat hendak, dengan lebih awal, menjelaskan Baki Tertunggak CFC yang belum dibayar tersebut, Pemegang Kad hendaklah memberikan notis kepada Bank OCBC supaya Bank OCBC dapat mengira jumlah penjelasan awal tersebut. Pemegang Kad hendaklah terus membayar Ansuran Bulanan CFC tersebut sehingga Pemegang Kad dibilkan jumlah penjelasan awal tersebut.
12. Sekiranya berlakunya penjelasan awal CFC, faedah CFC hanya dikira sehingga bulan penjelasan awal tersebut. Misalnya, jika Pemegang Kad memohon untuk Tempoh CFC selama 3 tahun tetapi hendak menjelaskan Jumlah CFC lebih awal selepas 10 bulan, Pemegang Kad perlu membayar Jumlah CFC yang belum dibilkan dan sebarang Jumlah CFC yang telah dibilkan.

13. Sekiranya mana-mana peristiwa berikut terjadi:
- a) pemegang Kad tidak membuat pembayaran Bayaran Minimum yang dinyatakan di dalam penyata kad kredit untuk tiga (3) bulan berturut-turut atau lebih; atau
 - b) akaun(-akaun) kad kredit Pemegang Kad dengan Bank OCBC dibatalkan, ditamatkan atau ditutup atas apa jua sebab,
- keseluruhan Ansuran Bulanan CFC (iaitu semua Ansuran Bulanan CFC yang tidak dibayar, termasuk Ansuran Bulanan CFC untuk baki Tempoh CFC, dirujuk sebagai "**Baki Terhutang**") perlu dibayar dengan serta-merta dan mesti dibayar oleh Pemegang Kad, yang menjadikan Baki Terhutang ini terangkum dalam Perjanjian Pemegang Kad, justeru termasuk caj kewangan dan caj bayaran lewat yang dikenakan. Ini menjadi tambahan dan tanpa prejudis kepada hak Bank OCBC di bawah Perjanjian Pemegang Kad OCBC yang berkaitan dengan semua bayaran yang dikenakan dan semua liabiliti yang timbul oleh Pemegang Kad melalui penggunaan kad(-kad) kredit apabila berlaku mana-mana satu peristiwa di atas.
14. Pemegang Kad mengisytiharkan, mewakili dan membenarkan semua maklumat yang diberikan oleh Pemegang Kad di dalam permohonan untuk CFC adalah benar dan lengkap dan Pemegang Kad bertanggungjawab untuk memberitahu Bank OCBC dengan serta-merta jika terdapat perubahan berhubung dengan maklumat Pemegang Kad.
15. Selain dan tanpa prejudis pada kelaziman yang disebutkan tadi, sekiranya program CFC menjadi lebih mahal untuk Bank OCBC sengerakan disebabkan:
- a) sebarang perubahan dalam undang-undang atau peraturan yang menyebabkan cukai baharu atau tambahan, keperluan rizab yang lebih tinggi atau tindakan yang seumpamanya; atau
 - b) perubahan yang signifikan dalam keadaan kewangan atau persekitaran ekonomi,
- Pemegang Kad bersetuju untuk menanggung kos tambahan tersebut bagi menyenggara program CFC sebagaimana yang Bank OCBC tentukan sebagai perlu untuk membayar ganti rugi, yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada mana-mana situasi yang berlaku. Keputusan Bank OCBC pada mana-mana hal yang dirujuk di dalam Klausa ini adalah muktamad dan mengikat Pemegang Kad.
16. Bank OCBC berhak pada bila-bila masa dan dengan memberikan 21 hari notis kepada Pemegang Kad, untuk menambah, mengubah suai, menukar atau mengubah kesemua atau mana-mana terma dan syarat (termasuk Faedah CFC, cara dan masa pembayaran dan mod pengiraan yang dirujuk di sini) atau untuk menggantikan kesemua atau sebahagian program CFC dengan skim lain dengan apa sahaja nama yang diberikan, sama ada sama atau tidak, atau untuk menarik balik atau menamatkan program CFC sama sekali. Bank OCBC akan memberitahu Pemegang Kad tentang sebarang tambahan, pindaan, pengubahan, perubahan atau penukaran kepada terma dan syarat ini dengan menerbitkan notis dalam penyata akaun kad kredit OCBC atau di laman web Bank OCBC di [www.ocbc.com.my], atau dalam mana-mana surat khabar atau melalui apa sahaja cara komunikasi lain yang ditentukan oleh Bank OCBC menurut budi-bicara mutlaknyanya.
17. Bank OCBC tidak akan bertanggungjawab ke atas dan menafikan semua liabiliti terhadap mana-mana tindakan, tuntutan, kerugian, kerosakan, kos, caj dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung, dideritai atau dialami oleh Pemegang Kad akibat penyertaan Pemegang Kad dalam program CFC ini, melainkan jika kerugian itu adalah disebabkan oleh kecuaiannya Bank.
18. Semua hal berkaitan pertikaian adalah tertakluk pada keputusan akhir Bank OCBC, dan keputusan itu adalah yang penghabisan, muktamad dan mengikat Pemegang Kad.

19. Pemegang Kad bersetuju dan mengisytiharkan bahawa semua maklumat yang diberikan di dalam permohonan untuk CFC oleh Pemegang Kad adalah benar dan lengkap dan Pemegang Kad akan memberitahu Bank OCBC dengan serta-merta akan sebarang perubahan terhadap maklumat sedemikian.
20. Perjanjian Pemegang Kad OCBC akan terus terpakai pada penggunaan kad kredit Pemegang Kad OCBC. Sekiranya wujud sebarang perkara yang tidak konsisten di antara Terma dan Syarat dengan Perjanjian Pemegang Kad OCBC, Terma dan Syarat ini akan digunakan setakat yang berkenaan dengan CFC.
21. Terma dan Syarat ini hendaklah ditadbir dan diertikan menurut undang-undang Malaysia.